

03 MAY 1996

DR MAHATHIR LANCAR YAYASAN WANGSAMAJU

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Yayasan Wangsamaju, yang bertujuan menjadikan pempandaran Wangsa Maju di sini sebagai kawasan contoh menjelang abad ke-21, Jumaat depan.

Anggota Parlimen Wangsa Maju, Datuk Dr Kamal Salih berkata Dr Mahathir akan juga merasmikan rangkaian komputer sekolah-sekolah, yang merupakan projek pertama yayasan itu untuk meningkatkan taraf pendidikan.

Projek itu melibatkan 30 buah sekolah menengah dan rendah yang akan menerima komputer "multi-media" dan mempunyai sambungan ke Internet, katanya pada mesyuarat persiapan majlis pelancaran yayasan itu di sini hari ini.

Sempena lawatan Dr Mahathir, pameran kemajuan Wangsa Maju juga diadakan, kata Kamal, yang juga pengerusi yayasan itu.

Penubuhan yayasan itu diluluskan sebulan lepas setelah dirancang sejak dua tahun lalu. Selain pendidikan, yayasan itu akan menggerakkan projek ekonomi dan kemasyarakatan untuk meningkatkan mutu hidup penduduk.

-- BERNAMA

AZZ AHH